

12 MAY 2000

Mahathir-MB

PEMILIHAN NAIB PRESIDEN KEBETULAN SAMA PENCALONAN KUBANG PASU, KATA PM

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan sebagai kebetulan saja kerana ketiga-tiga calon yang memenangi jawatan naib presiden parti semalam adalah orang yang sama yang dicalonkan oleh Bahagian Kubang Pasu yang diketuainya.

Katanya kekalahan tiga menteri besar dan seorang ketua menteri yang turut bertanding jawatan itu tidak menggambarkan perwakilan mengambil kira pencalonan yang dibuat oleh Bahagian Kubang Pasu.

Perdana Menteri berkata beliau hanya menyedari tentang persamaan itu hanya setelah diberitahu kemudian.

"Malahan saya tidak tahupun siapa naib presiden yang dipilih oleh bahagian saya. Nampaknya ia kebetulan sama, tetapi saya tidak fikir (ia) kerana mereka dicalonkan oleh bahagian saya," katanya pada sidang media di akhir hari kedua perhimpunan agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau belum tahu mereka yang akan beliau lantik kemudian sebagai anggota Majlis Tertinggi akan terdiri daripada Menteri Besar.

"Dia orang bertanding sebagai VP (naib presiden) dan kalah. They go for broke (mereka bertanding hanya satu jawatan)...sesetengah mungkin broke," katanya.

Beliau juga berkata keputusan pemilihan Umno tidak mempunyai kaitan langsung dengan kedudukan kabinet.

Empat ketua Umno negeri -- Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Samad -- tewas dalam perebutan naib presiden pada pemilihan semalam.

Dua lagi yang turut tewas ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim.

Mereka yang menang ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad bin Muhammad Taib dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin.

-- BERNAMA

AZ MNY MAI